

UMS tuan rumah Kejohanan Taekwondo Universiti Asia

GL Oh DE 25.09.2012 12

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) diberi penghormatan untuk menganjurkan Kejohanan Taekwondo Universiti Asia ke-3 yang bakal diadakan di dewan Canselor universiti dari 11-13 Oktober.

Pertandingan tiga hari itu dianjurkan bersama oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dengan kerjasama UMS.

Naib Canselor UMS Profesor Dr Mohd Harun Abdullah berkata pada sidang akhbar yang diadakan pada Isnin bahawa ia adalah kali pertama negara ini menjadi tuan rumah acara berprestij itu.

“Kejohanan ini yang dimulakan

oleh Persekutuan Sukan Universiti Asia pertama kali diadakan di UAE pada 2010 diikuti Kazakhstan tahun lepas. Dan tahun ini, UMS sebagai pusat kecermerlangan Taekwondo diberi mandat untuk menjadi tuan rumah acara melalui MASUM.”

“Kami menjangkakan 141 atlet termasuk pegawai dari 12 negara mengambil bahagian tahun ini,” tambah beliau.

Negara yang bersedia menyertai ialah Brunei, China, Filipina, Indonesia, Iran, Kazakhstan, Lubnan, Mongolia, Nepal, Singapura, Thailand dan Malaysia.

Terdapat lapan kategori dalam acara Kyorugi (Sparring) manakala tiga kategori dalam acara Poomsae.

Malaysia akan diwakili dalam semua kategori termasuk tiga pelajar UMS.

Dr Harun berharap tiga pesaing iaitu Yeo Kok Siong, Mohd Fakhrur Razi Hj Sazali dan Raymond Toh Meng Hui yang akan mengambil bahagian dalam acara poomsae di bawah pasukan tiga kategori akan menghasilkan yang terbaik dan menyumbang pingat.

Pada kejohanan terakhir yang diadakan di Kazakhstan, Malaysia berjaya memenangi satu perak dan satu gangsa.

Turut hadir pada sidang akhbar itu ialah Timbalan Naib Canselor UMS, Prof Madya Datuk Dr Kassim Hj Md Mansur yang juga pengurus MASUM dan pengarah sukan UMS Mohd. Asyraf Fong Abdullah.



HARUN (tengah) bersama Kassim (kiri) dan Asyraf ketika di sidang akhbar pada Isnin.